

BULETIN HEPA



**MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**



IFTAR MUHIBBAH 2023

KAMPUS KOTA
KAMPUS JELI

**MESYUARAT
JAWATANKUASA
PEMANDU
KEBOLEHPASARAN
GRADUAN (GE)
BIL. 1/2023
(KALI KE-4)
BERSAMA INDUSTRI**





KUNJUNGAN HORMAT POLIS DIRAJA MALAYSIA 3 APRIL 2023

Kunjungan hormat daripada Pasukan Polis Diraja Malaysia dari Bukit Aman yang diketuai oleh SAC Mohammad Mashdik Yahya, Penolong Pengarah Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial E2 bersama hampir 10 orang pasukan beliau.



Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk menjalinkan kerjasama antara Universiti dan Polis Diraja Malaysia dalam hal keselamatan pelajar dan Universiti. Kerjasama ini merangkumi pelbagai aspek di mana keselamatan pelajar menjadi keutamaan.



MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD 5 APRIL 2023



”

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah menyerahkan sumbangan zakat sebanyak RM50,000.00 kepada YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor pagi tadi. Sumbangan ini telah diserahkan oleh En Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif BIMB





IFTAR MUHIBAH 2023

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Majlis Iftar Muhibah 2023 telah diadakan pada 12 April 2023 di Kampus Kota dan 10 April 2023 di Kampus Jeli. Seramai hampir 2,000 orang pelajar telah menghadiri majlis ini.

Sempena majlis ini, bantuan saaran pengajian RM26,400.00 untuk 11 orang pelajar, Bantuan komputer riba RM216,000.00 untuk 144 orang pelajar, Bantuan data internet RM25,000.00, Bantuan kaca mata RM15,000.00 untuk 50 orang pelajar, bantuan rumah sewa sebanyak RM144,000.00 dan Bakul Ramadhan kepada wakil pelajar dengan jumlah keseluruhan bantuan semasa majlis di Kampus Kota adalah sebanyak RM426,000.00.



Manakala di Kampus Jeli, sumbangan yang diberikan adalah peralatan pembelajaran sebanyak RM50,000.00 untuk 200 orang pelajar, bantuan sokongan pengajian RM150,000.00 untuk 300 orang pelajar, bantuan data internet sebanyak RM25,000.00 untuk 250 orang pelajar serta zakat dari Badan Amal dan Kebajikan MK sebanyak RM75,000.00 untuk 75 orang pelajar dari FSB. Pihak HEPA turut menyumbangkan 5 Bakul Ramadhan HEPA kepada pelajar.



BICARA TEKAD 2023 & MAJLIS BERBUKA PUASA



”

Bicara Tekad 2023 dan Majlis Berbuka Puasa pejabat HEPA telah diadakan pada 16 April 2023 di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok. Ia telah dihadiri oleh hampir 100 orang staf HEPA.





**PROGRAM TOWNHALL IKON MADANI BERSAMA YB
DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL,
MENTERI DALAM NEGERI
12 MEI 2023
DEWAN KEUSAHAWANAN, KAMPUS KOTA**



**LAWATAN PENANDA ARAS TIMBALAN NAIB CANSOLOR HEP,
TIMBALAN REKTOR, DEKAN, TIMBALAN DEKAN HEP,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SEMALAYSIA**



”

Lawatan ini diadakan pada 15 Mei 2023 untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan HEPA dan keusahawan yang dijalankan di UMK. Alhamdulillah banyak perkongsian aktiviti dan program antara dua Universiti.





**JAMUAN HARI RAYA HEPA, SANJUNGAN BUDI
DAN MAJLIS PERSARAAN
(PN NOOR HAYATI BT ZAKARIA, PEGAWAI KEBUDAYAAN KANAN)
17 MEI 2023
BANGUNAN MAHASISWA, UMK BACHOK**



**PROGRAM MEET AND GREET ALUMNI UMK
SIRI 1/2023 @ 21 MEI 2023
HOTEL MERCURE LIVING, PUTRAJAYA**



”

Program ini merupakan salah satu platform pihak Alumni dan Universiti bersua muka walaupun pihak Alumni telah menamatkan pengajian. Antara pengisian dalam Siri kali ini adalah perkongsian daripada saudara En Mohd Hafizuddin Hiew dan En Hasnan. Turut diadakan adalah perkongsian mengenai peluang pekerjaan dan lain-lain daripada wakil industri iaitu Bank Islam Malaysia Berhad.





MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE) BIL. 1/2023 (KALI KE-4) BERSAMA INDUSTRI 23 MEI 2023

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor dan matlamat utama mesyuarat ini adalah untuk membincangkan permasalahan serta penambahbaikan yang perlu bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) di UMK. Bagi memastikan GE meningkat di UMK, pemantauan aktiviti dan program yang telah dijalankan juga dibincangkan dalam mesyuarat ini. Semoga usaha berterusan ini mampu meningkatkan GE UMK di masa hadapan.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DAN MAJLIS SUKAN NEGERI (MSN) KELANTAN

31 MEI 2023



Hadir pada majlis ini adalah YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, YB Haji Roslan bin Wan Hamat, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Kelantan turut hadir pada majlis ini. Manakala MSN Kelantan telah diwakili oleh YBrs. En Nik Razak bin Nik, Pengarah MSN Kelantan.

”

MoU ini akan memfokuskan kepada kerjasama pembangunan sukan antara UMK dan MSN Kelantan dalam pelbagai skop seperti program berbentuk latihan, pembangunan fasiliti, penyelidikan sukan dan lain-lain. Dengan adanya MoU ini, adalah diharapkan sukan UMK akan melonjak ke tahap yang lebih tinggi terutama untuk mahasiswa.



KECEMERLANGAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SETTINGGI-TINGGI

Tahniat

KONSTABEL MOHAMMAD ROS
SHAZRUL BIN ROSLI
ALUMNI FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN
DAN KESEJAHTERAAN (FHPK)

ditugaskan di

**BALAI POLIS MARANG
TERENGGANU**

Ikhtis Daripada
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
DAN SELURUH WARGA HEPA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Official UMK Entrepreneurship & Soft Skills #InnovateUMK Family #UMKLegasiUMK



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SETTINGGI-TINGGI

Tahniat

DR. NOORMARIANA BINTI
MOHD DIN
atas pelantikan sebagai

PENGARAH
PUSAT PEMBANGUNAN MAHASISWA
HOLISTIK DAN KEPIMPINAN PELAJAR
berkuat kuasa

1 APRIL 2023

Ikhtis Daripada
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
DAN SELURUH WARGA HEPA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Official UMK Entrepreneurship & Soft Skills #InnovateUMK Family #UMKLegasiUMK

PERSARAAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SELAMAT
Bersara

Sekalung penghargaan dan terima kasih

PUAN NOOR HAYATI BINTI ZAKARIA
PEGAWAI KEBUDAYAAN KANAN
PUSAT KEBUDAYAAN

yang bersara mulai

10 MEI 2023

Ikhtis Daripada
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
DAN SELURUH WARGA HEPA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Official UMK Entrepreneurship & Soft Skills #InnovateUMK Family #UMKLegasiUMK